



SERAH... Kamaruzaman menyerahkan surat tawaran kepada salah seorang wakil syarikat yang akan terlibat dalam projek Pengkulturan dan Estet Mini Rumpai Laut di Semporna.

Yayasan UMS diharap aktif kumpul dana

UB 17/6/2011 AS

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon kelmarin menyatakan harapannya agar Yayasan UMS dapat melibatkan diri secara aktif dalam sebarang projek bagi mengumpul dana yayasan itu.

Yayasan UMS ketika ini, katanya, telah berjaya membantu para pelajar pasca siswazah mengikuti pengajian pada peringkat sarjana dan doktor falsafah serta membiayai penyelidikan mereka walaupun dengan sumber yang agak terhad.

Justeru, katanya, peluang penglibatan Yayasan UMS dalam Projek Pengkulturan dan Estet Mini Rumpai Laut di Semporna adalah antara peluang terbaik bagi mereka untuk mengumpul dana.

“Bagi tujuan pelaksanaan dan pemantauan projek, UMS telah bersetuju menggunakan khidmat Yayasan UMS untuk memikul tanggungjawab ini melalui satu unit yang dikenali sebagai ‘Unit Penyelidikan Rumpai Laut’, satu Interim yang mana unit sebenar akan ditubuhkan di bawah Sekolah Sains dan Teknologi nanti.

“Unit ini akan bergerak bersama-sama dengan sekurang-kurangnya 15 syarikat peneraju yang akan dilantik oleh pihak kerajaan dalam tahun ini, termasuk enam syarikat yang menerima surat tawaran mereka pada hari ini,” katanya kepada pemberita, kelmarin.

Kata Kamaruzaman, Yayasan UMS yang diterajui pengarahnya, Hela Ladin Mohd Dahlan harus menggunakan penglibatan mereka dalam projek ini untuk menambah dana yayasan.

“Saya amat yakin pihak Yayasan UMS dapat melakukannya dan pendapatan ini kelak akan dapat digunakan untuk menyediakan kemudahan seperti biasiswa dan tajaan kepada pelajar selain digunakan untuk tujuan kemasyarakatan lain.

“Sumber pendapatan yang dapat dijana kelak juga akan memperkuatkan aktiviti penyelidikan berterusan melalui tabungan yang diamanahkan kepada Yayasan UMS,” katanya.

Kamaruzaman berharap agar Yayasan UMS akan terus menyumbang dengan menyediakan dana bagi penyelidikan yang lebih terfokus khususnya bagi penyelidikan yang boleh menyumbang secara berterusan kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Sementara itu, mengenai penglibatan dalam estet mini rumpai laut itu, beliau berkata peranan yang dimainkan UMS sebagai perunding, pembekal teknologi dan pemilik bersama adalah amat besar dan turut dijayakan dengan kerjasama Jabatan Perikanan Sabah.

“Saya melihat peranan yang dimainkan oleh pihak UMS sangat penting khususnya dalam kebolehgunaan dan pengkomersilan projek-projek penyelidikan yang mampu memberi faedah kepada masyarakat.

“Ia selaras dengan matlamat kerajaan yang mahukan setiap universiti menghasilkan penyelidikan yang berkualiti serta relevan kepada masyarakat dan negara,” katanya.

Justeru, katanya, inilah masanya para penyelidik universiti memperlihatkan keupayaan dan kepakaran yang dimiliki oleh kakitangan universiti itu.